

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos/September 1998**

**HMT 223 Morfologi Bahasa Malaysia**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGITUJUH [7] SOALANDI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab **LIMA** [5] soalan sahaja. Setiap soalan membawa markah yang sama. Sila tulis nombor soalan secara berturutan pada muka hadapan kertas jawapan sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak.

1. E.A. Nida (1963) mengemukakan 6 prinsip mengenal morfem, dua di antaranya ialah: Bentuk (fonologi) yang sama dan mempunyai persamaan makna, tergolong ke dalam morfem yang sama dan bentuk yang mempunyai persamaan makna dan persamaan fungsi, juga boleh dianggap morfem. Sila kemukakan contoh yang sesuai dan mencukupi dan beriuraian terhadap contoh tersebut.
2. Imbuhan me+ dan pe+ selalu mengelirukan apabila diimbuhkan dengan kata dasar yang bermula dengan /k/, /p/, /s/ dan /t/. Perhatikan data yang berikut ini:

<i>mengkorporatkan</i>	<i>korporat</i>
<i>memproklamasikan</i>	<i>proklamasi</i>
<i>pesawah</i>	<i>sawah</i>
<i>penternak</i>	<i>ternak</i>

Bincangkan pembentukan perkataan ini setiap satu berdasarkan Rajah Binaan Kata.

...2/

3. Di dalam kata majmuk terdapat dua bentuk penulisannya, iaitu: dua perkataan yang dicantumkan dan dua perkataan yang dipisahkan. Sila pastikan bentuk penulisan kata majmuk ini sama ada dicantum atau dipisahkan.

<i>suratkhabar</i>	<i>segitiga</i>
<i>peribadi</i>	<i>purbakala</i>
<i>tanahair</i>	<i>setiakawan</i>
<i>tandatangan</i>	<i>sekaligus</i>
<i>warganegara</i>	<i>tanggungjawab</i>

Kelompokan kata majmuk yang dicantumkan dan kata majmuk yang dipisahkan serta beri alasan mengapa anda memilih pembentukan sedemikian.

4. Kata Tugas merupakan kelompok kata di luar Kata Nama, Kata Sifat dan Kata Kerja. Kemukakan Kata Tugas yang terdapat di dalam Kelompok Kata Namaan dan di dalam Kelompok Kata Karyaan. Beri 3 (tiga) contoh setiap Kata Tugas berkenaan di dalam ayat dan beri tanda garis di bawahnya.
5. Cipta 3 ayat selapis/tunggal yang gramatis. Ayat pertama mengandungi Kata Pemerl, ayat kedua mengandungi Kata Sifat dan ayat ketiga mengandungi Kata Kerja. Berdasarkan ayat tersebut, susun pula ayat gramatis yang Kata Pemerl, Kata Sifat dan Kata Kerjanya dilenyapkan. Bincangkan unsur/kata utama yang terdapat pada ketiga-tiga ayat tersebut dan beri alasan mengapa ia dikatakan sebagai unsur/kata utama.
6. Perhatikan ayat yang dikemukakan berikut ini:
- Pak Jalil mengibas akhbar sambil lalu.** (Tugu, 1985: 9).
  - Samad tersengkeh.** (Tugu, 1985: 11).
  - Dia berasa tangan itu di atas dadanya.** (Bagaton, 1987: 3).
  - Balik sekolah tadi mereka kehujanan.** (Perentas Masa, 1995: 14).
  - Hamba hendak perkenakan dia.** (Perentas Masa, 1995: 24).

Perkataan yang dicetak condong ialah Kata Terbitan yang dimaksudkan. Sila nyatakan apakah maksud masing-masing imbuhan tersebut berdasarkan kata dasar yang digabunginya.

...3/

7. Sila kemukakan apakah Imbuhan dan apakah Kata Dasar bagi perkataan

*mempunyai*

Huraikan tata cara/proses pembinaan perkataan tersebut dari Kata Dasar sehinggalah terhasil Kata Terbitan di atas. Apakah erti imbuhaninya dan apa pula makna kata terbitannya.

--oo000oo--